



ISLAM mengajar kita untuk berhati-hati dalam memilih kawan agar kita hidup bahagia di dunia dan akhirat. - Gambar hiasan

ALLAH menjadikan manusia sebagai makhluk yang berinteraksi sesama sendiri dan tidak boleh hidup bersendirian. - Gambar hiasan

## Prinsip memilih sahabat sejati

AN-NUR

Bersama PROF. MADYA DR. FARIZA MD. SHAM  
Nobatkan Pengarah Eksekutif  
Pusat Strategi UKM



### SOALAN

DALAM dunia yang penuh dengan sifat mementingkan diri dan persaingan dalam hidup ini, kadangkala kita tidak dapat mengenali siapa orang yang benar-benar boleh dijadikan sahabat atau tidak.

Bolehkah jelaskan bagaimanakah cara untuk kita memilih sahabat dan mengenal pasti bahawa individu itu adalah sahabat yang baik?

### JAWAPAN

SIFAT manusia cenderung untuk berkawan dan bersosial dengan orang di sekeliling kerana ia merupakan fitrah.

Allah menjadikan manusia sebagai makhluk yang berinteraksi sesama sendiri dan tidak boleh hidup bersendirian.

Dalam hal itu, Allah telah memberikan garis panduan dan teori asas mengenai keadaan individu yang boleh dijadikan kawan atau sahabat.

Memilih dan berhati-hati dalam memilih sahabat ada kepentingannya kerana sejarah perjalanan hidup manusia terdahulu banyak membuktikan bagaimana kehidupan seseorang itu musnah dek dikhianati oleh sahabat atau kawan yang berada di sekeliling.

Ini kerana, di samping mempunyai sahabat yang baik, terdapat juga



SAHABAT merupakan antara orang yang paling dekat dengan kita selain menjadi penasihat dan pembimbing ketika kita menghadapi kesempitan. - Gambar hiasan

kawan yang bersifat buruk seperti iri hati, hasad dengki, melakukan fitnah, memburuk-burukkan kawan yang lain dan berusaha menjatuhkan mereka.

### Prinsip

Daripada aspek psikologi Islam, individu yang bersifat seperti ini mengalami masalah dalam jiwa mereka iaitu tidak senang hati melihat sahabatnya hidup senang, disukai orang, berkedudukan tinggi dan berjaya dalam hidup.

Selain itu, terdapat juga kawan-kawan yang mempengaruhi kita untuk melakukan perkara yang tidak baik dan melanggar perintah Allah.

Bagi mengelak kita daripada tersilap dan sentiasa berhati-hati dalam

memilih sahabat, maka Allah telah menjelaskan beberapa prinsip.

Firman Allah dalam surah al-Kahfi ayat 28 yang bermaksud: "Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata."

"Dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka, hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia."

"Dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran kami di dalam al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula melampaui

batas atau kebenaran."

Ayat ini menjelaskan bahawa kita hendaklah berkawan atau berdamping dengan orang yang sentiasa beribadat kepada Allah dan mengharapkan keredhaan Allah.

Selain itu, Allah juga melarang bersahabat dengan orang yang fasiq atau yang berpaling daripada ajaran Allah.

Persoalannya, mengapa Allah sangat menekankan soal memilih sahabat?

Ini kerana sahabat yang baik akan membawa manfaat kepada kehidupan dunia sama ada ketika berada dalam kesusahan mahupun kesenangan.

Bahkan sahabat yang baik juga akan memberi manfaat kepadanya bagi kehidupan di akhirat kelak.

Sahabat yang baik dan suci hatinya akan membuat kita berasa senang serta bahagia, bukannya berasa terancam ataupun takut.

Itulah sebabnya, Islam mengajar kita untuk berhati-hati dalam memilih kawan, agar kita hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Kita pula apabila menjadi seorang sahabat, hendaklah ikhlas dalam persahabatan dan jangan bersifat seperti mana peribahasa Melayu, gunting dalam lipatan dan menikam dari belakang.

Jadilah seperti aur dan tebing yang saling menyokong dan membawa kebaikan.